

SUDUT PANDANGAN GURU PELATIH PENDIDIKAN MORAL TERHADAP CABARAN PELAKSANAAN PDPC ABAD KE-21 DI SEKOLAH (The Perspective of Moral Education Trainee Teachers on the Challenges in Conducting PDPC of 21st Century in School)

* Maizura Yasin¹, Nur Surayyah Madhubala Abdullah¹

¹Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor, Malaysia

*Corresponding author's email: y_maizura@upm.edu.my

Article History:

Submit: 9 October 2018

Accepted: 1 November 2018

Revised: 12 November 2018

Published: 31 December 2018

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 2, No. 2 (2018), 36-45

Abstrak

Kertas kerja ini meneroka tentang cabaran guru pelatih Pendidikan Moral berkaitan pengalaman melaksanakan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang menggunakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) semasa menjalani praktikum di sekolah sekitar Putrajaya dan Selangor. Objektif kajian ini adalah untuk mendalami pengalaman guru pelatih dalam mempraktikkan PdPc PAK21 dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Seramai tiga orang guru pelatih yang mengajar murid Tingkatan 1, 2 dan 3 dilibatkan dalam kajian ini. Kajian menggunakan pendekatan kajian kes kualitatif dengan pemilihan sampel secara bertujuan. Dapatan kajian memberikan gambaran bahawa terdapat beberapa tema berkaitan cabaran menggunakan PAK21 dalam PdPc Pendidikan Moral di sekolah menengah. Implikasi daripada kajian ini lebih tertumpu kepada perancangan Unit Pendidikan Moral, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia dalam merangka satu usaha kerjasama dengan sekolah. Hal ini demikian kerana dapatan kajian dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada usaha membuka peluang kepada guru pelatih mengalami suasana sebenar semasa menjalani kursus Kaedah Mengajar Pendidikan Moral pada semester tujuh sebelum pergi menjalani praktikum di sekolah. Di samping itu, guru pelatih boleh membuat sesi diskusi bersama guru pakar Pendidikan Moral tentang PdPc PAK21. Ini adalah usaha yang boleh memantapkan sesi latihan amali bagi Kursus Kaedah mengajar Pendidikan Moral di Unit Pendidikan Moral, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Usaha penyediaan guru pelatih pengkhususan Pendidikan Moral yang terlatih dan berkualiti perlu diberi perhatian yang serius bagi melahirkan murid yang bermoral dalam kehidupan seharian.

Kata kunci: Guru Pelatih, Pendidikan Moral, Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc), PAK21

Abstract

This paper explores the challenges faced by the Moral Education trainee teachers on the experience of conducting learning and facilitating (PdPc) session using the 21st century learning (PAK21) during practicum in schools around Putrajaya and Selangor. The objective of this study is to explore the experiences of trainee teachers in implementing PAK21 PdPc in Moral Education subject. A total of three trainees who taught Form 1, 2 and 3 students were involved in this study. The study uses a qualitative case study approach with purposive sampling method. The findings show that there are several themes related to the challenges of using PAK21 in PdPc of Moral Education in secondary schools. The implications of this study is more focused on the planning of Moral Education Unit, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in formulating a collaborative effort with the school. This is because research findings can be used as a benchmark for opening up opportunities for trainees to experience real situation while undergoing the Teaching Method of Moral Education in the seventh semester before going for practicum in school. In addition, the trainee teacher can conduct a discussion session with Moral Education expert teacher regarding the PAK21 PdPc. This is an effort that can strengthen the practical training session of the Moral Education Teaching Method Course at the Moral Education Unit, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia. Efforts to provide trained and high quality Moral Education specialists should be taken seriously to produce students with high moral values in daily life.

Keywords: trainee teachers, Moral Education, learning and facilitating (PdPc), PAK21

1.0 PENGENALAN

Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia merupakan salah satu platform profesion perguruan yang menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar yang memilih kerjaya sebagai seorang pendidik. Institusi ini menyediakan pelbagai jurusan ijazah pendidikan dengan pengkhususan mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains Pertanian, Sains Rumahtangga, Vokasional, Pendidikan Jasmani Bimbingan dan Kaunseling. Di samping itu, pelajar jurusan pendidikan perlu memilih satu mata pelajaran pengkhususan minor. Di fakulti ini terdapat pelbagai tawaran pengkhususan minor antaranya Pendidikan Moral, Pendidikan Islam, Pendidikan Ekonomi, Pendidikan Kesusasteraan Bahasa Melayu, Pendidikan Kesusasteraan Bahasa Inggeris dan juga Kesihatan.

Institusi ini bertanggungjawab membangunkan profesional keguruan dengan melatih para guru pelatih bagi memastikan mereka ini kompetensi dalam pedagogi yang terkini dan mempunyai kompetensi dalam profesional keguruan. Setelah mendapat pendedahan tentang pelbagai kemahiran dari segi akademik, pedagogi, amalan profesionalisme, *internship*, kokurikulum dan pelbagai kemahiran dan pengetahuan. Selepas mengikuti pengajian selama tujuh semester di universiti, guru pelatih ditempatkan di sekolah selama 14 minggu bersamaan satu semester untuk menjalani latihan praktikum bagi pengkhususan major dan minor masing-masing. Sepanjang tempoh tersebut segala ilmu berkaitan profesional perguruan, kepimpinan, kokurikulum dan kurikulum berkaitan pengkhususan pengajaran major dan minor perlu diaplikasikan sepenuhnya dalam suasana sebenar di sekolah. Inilah tempoh mencabar yang menguji kewibawaan dan kompetensi guru pelatih berkaitan pengajaran. Hal ini berikutan mereka perlu mengadaptasikan semua pengetahuan dalam bentuk teori dan kemahiran yang dipelajari di universiti untuk diaplikasi kepada murid yang mempunyai pelbagai latar belakang, keupayaan kognitif dan pencapaian dalam akademik di sekolah.

Perkara ini menuntut, guru pelatih memainkan peranan penting dalam menyediakan dan melaksanakan PdPc yang berkesan bersesuaian dengan keperluan murid dan perkembangan arus pendidikan yang berteknologi moden. Bukannya menggunakan pendekatan "*chalk and talk*" dan "*teacher center*" yang berbentuk konvensional dan sudah ketinggalan zaman. Pembelajaran dan pemudahcaraan PAK21 berfokus kepada pembelajaran berpusatkan murid, penggunaan komputer, pembelajaran aktif, pembelajaran sendiri, mengadakan persekitaran yang kondusif, pembelajaran kolaboratif dan penilaian berasaskan pencapaian. Hal ini demikian, PdPc PAK21 mewujudkan suasana pendidikan menghargai kepelbagaian murid, komunikasi, nilai murni dan etika yang lebih digemari oleh para murid.

Selain itu, PdPc PAK21 ini sesuai digunakan oleh guru dalam semua mata pelajaran di sekolah rendah mahupun menengah. Hal ini kerana pelaksanaan PAK21 bukalah semata-mata berpaksikan teknologi malahan lebih menjurus kepada operasi PdPc yang menggalakkan pembelajaran kolaboratif, pemikiran kreatif, kritis serta komunikasi di samping menerapkan nilai dan etika kepada murid (Mohd Hassanny & Hasni, 2018). Justeru itu, pendedahan PdPc PAK21 kepada guru pelatih sangat diperlukan bagi memastikan mereka ini menjadi tulang utama pelaksanaan PAK21 dalam pendidikan secara holistik dan berkesan dalam profesion perguruan.

2.0 LATAR BELAKANG DAN PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran yang wajib ajar kepada murid bukan Muslim yang bersekolah di Malaysia. Mata pelajaran ini telah diperkenalkan sejak tahun 1983 yang lalu berpaksikan kepada nilai murni berdasarkan pelbagai agama, budaya dan bangsa dalam masyarakat majmuk yang diterima secara sejagat (Mukherjee, 1983). Pendidikan Moral bagi sekolah rendah dan menengah juga melalui proses semakan kurikulum dan penilaian bagi memenuhi keperluan semasa dan negara. Matlamat mata pelajaran ini adalah untuk melahirkan murid yang menjadi insan bermoral dalam kehidupan seharian. Secara asasnya, Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran yang berkonsepkan kepada nilai-nilai murni dengan menekankan perkembangan moral yang merangkumi tiga dimensi utama iaitu pemikiran moral, emosi moral dan tingkah laku moral dalam PdPc secara holistik

Meskipun Pendidikan Moral telah melebihi tiga dekad diperkenalkan sebagai mata pelajaran wajib dalam sistem Pendidikan Malaysia namun tinjauan sorotan menunjukkan bahawa antara isu yang sering dibangkitkan adalah sejauhmana guru-guru yang ditugaskan mengajar mata pelajaran ini mampu menyediakan suatu proses PdPc, yang dapat membentuk pemikiran moral, emosi moral dan tingkah laku moral murid-murid (Norzihani & Suhailah, 2018). Selain itu, isu tersebut seolah-olah menunjukkan bahawa mata pelajaran ini sudah tidak relevan kerana guru hanya mengajar murid untuk menghafal nilai-

nilai murni menyebabkan murid hilang minat terhadap subjek ini. Di samping itu, isu guru yang mengajar Pendidikan Moral tidak terlatih dan bukan opsyen juga menyumbang kepada pelbagai komen negatif daripada ibu bapa dan murid. Perkara ini dibuktikan melalui kajian yang dijalankan oleh Chang (2010) mendapati bahawa guru-guru Pendidikan Moral di sekolah lebih cenderung untuk mempraktikkan kaedah pengajaran yang telah biasa digunapakai dan sukar beralih kepada pendekatan alternatif dalam membentuk perkembangan moral murid.

Senario ini menunjukkan bahawa penekanan yang serius dalam usaha melahirkan bakal guru yang terlatih dalam pengkhususan Pendidikan Moral diberi perhatian bagi memastikan isu dan komen berkaitan mata pelajaran ini dapat diselesaikan. Oleh demikian adalah wajar institusi pendidikan yang melatih bakal guru ini mengambil langkah yang efisien untuk memantapkan usaha melahirkan guru yang berkualiti dengan berjaya menghasilkan PdPc yang berkesan dan bersesuaian dengan pendidikan abad ke-21. Malahan menurut, Shahabuddin, Rohizani, Mohd Zohir (2007) semua institusi yang menawarkan program pendidikan guru memerlukan satu mekanisma, kaedah dan anjakan paradigma dalam melatih bakal guru untuk mempersiapkan diri dengan kompetensi pedagogi abad ke-21 dan kompetensi profesional iaitu ciri-ciri guru abad ke-21 untuk mneghadapi gelombang perubahan dalam pendidikan. Ini berikutan usaha merealisasikan tranformasi pendidikan negara bagi melahirkan guru yang berkualiti dan bersedia menghadapi cabaran baharu supaya negara dapat berkembang seiring dengan perubahan global (PADU, 2015).

Institusi pendidikan guru berperanan dalam melengkapkan guru pelatih dengan pengetahuan dan kemahiran abad ke-21 yang mencukupi sejajar dengan kepesatan perkembangan teknologi. Sesungguhnya, keberkesanan PAK21 ini bukan sekadar tertumpu kepada pada prasarana dan susun atur bilik darjah tetapi penentu utama kerjayaan adalah aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan murid bukan berpusat kepada guru (Zunariah, Tengku Abdullah dan Sukiman, 2018). Langkah ini dapat mengubah senario pengajaran di sekolah yang sebelum ini rata-rata masih menggunakan kaedah pengajaran konvensional yang mengakibatkan murid kurang fokus, menunjukkan respon yang lemah, kurang bermotivasi dan tidak memenuhi isi kandungan pelajaran dengan baik. (Azahari & Mahaya, 2018). Oleh itu, guru perlu bertindak sebagai pembimbingan dalam proses pembelajaran dan berkemahiran dalam melaksanakan tugas PdPc mengikut perkembangan masa (Marzni, Rohizani & Fadzilah, 2018)

Sejajar dengan itu, Kementerian Pendidikan menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2012) menetapkan aspirasi agar kualiti pendidikan negara ini setanding dengan kualiti pendidikan dalam sistem pendidikan antarabangsa (Azahari & Mahaya, 2018). Oleh demikian, pengalaman melalui latihan praktikum di sekolah selama 14 minggu telah memantapkan guru pelatih tentang selok belok dunia kerjaya perguruan yang penuh mencabar. Terdapat pelbagai cabaran yang telah dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Moral semasa menjalani latihan praktikum antaranya termasuklah dari aspek PdPc. Justeru kajian ini, bertujuan untuk meneroka fenomena dari sudut apa cabaran guru pelatih terhadap PdPc PAK21 semasa menjalani latihan praktikum selama 14 minggu di sekolah. Aspek ini dipilih untuk dikaji kerana pertama berdasarkan paradigma dalam kajian ini iaitu *naturalistik inquiry* tentang mengkaji satu fenomena (Lincon & Guba, 1985); kedua, untuk mendapat pemahaman yang mendalam (Cresswell, 2013); ketiga, persoalan tersebut perlu ada dalam kajian kes (Yin, 2011 & Merriam, 2001); keempat bagi memahami fenomena cabaran daripada sudut pandangan guru pelatih itu sendiri (Beaumaris, 2010).

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Meneroka sudut pandangan guru pelatih Pendidikan Moral terhadap cabaran pelaksanaan PdPc abad ke-21 di sebuah sekolah menengah di Putrajaya dan dua buah sekolah di Selangor.

4.0 PERSOALAN KAJIAN

Apakah sudut pandangan guru pelatih Pendidikan Moral terhadap cabaran pelaksanaan PdPc abad ke-21 di sebuah sekolah menengah di Putrajaya dan dua buah sekolah di Selangor?

5.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kajian kes kualitatif bagi mendalami sudut pandangan guru pelatih Pendidikan Moral terhadap cabaran pelaksanaan PdPc yang menggunakan PAK21 semasa menjalani praktikum di sekolah sekitar Putrajaya dan Selangor. Pemilihan peserta kajian ini berdasarkan pemilihan bertujuan yang mempunyai kriteria kursus. Kriteria utama dalam pemilihan calon kajian ini ialah kesanggupan guru pelatih terlibat dalam kajian ini, kedua, guru pelatih tersebut mestilah merupakan pelajar minor Pendidikan Moral. Kriteria seterusnya, peserta kajian memberi kebenaran untuk ditemu bual, menunjukkan buku rekod pengajaran dan juga mengadakan pemerhatian di dalam kelas semasa mengajar. Selain itu, semua peserta kajian bersetuju untuk bercakap dan berkelakuan secara jujur semasa sesi temu bual dan pemerhatian.

Kajian ini menggunakan temu bual separa berstruktur secara bersemuka, pemerhatian pengajaran di dalam kelas dan analisis dokumen iaitu buku rekod pengajaran yang dilakukan oleh peserta kajian selama 14 minggu semasa menjalani sesi praktikum di sekolah. Secara umumnya, proses pengumpulan data bermula dengan pemerhatian diikuti dengan analisis dokumen dan diakhiri dengan sesi temu bual. Pengkaji membuat sesi pemerhatian sebanyak dua kali dalam tempoh 14 minggu untuk setiap peserta kajian ini. Tempoh masa pemerhatian pengajaran ialah satu jam bersamaan dua waktu masa pengajaran. Tempoh kajian ini mengambil masa selama 14 minggu mengikut sesi praktikum peserta kajian di sekolah yang terpilih. Pengkaji menggunakan bantuan perisian ATLAS.ti 7 bagi tujuan pengurusan data temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Seterusnya, data tersebut dianalisis secara manual bagi memperolehi tema yang berkaitan cabaran guru pelatih Pendidikan Moral terhadap pelaksanaan PdPc PAK21 semasa menjalani praktikum di sekolah.

5.1 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Maklumat

Bagi menjamin dapatan kajian ini mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan, terdapat pelbagai strategi telah digunakan iaitu: mengutamakan isu berkaitan etika dalam penyelidikan, kerahsiaan identiti peserta kajian dan nama sekolah yang terlibat, mendapat kebenaran semua pihak yang terlibat dalam kajian ini, menjelaskan tujuan dan prosedur kajian kepada peserta kajian.

Jadual 1.0: Strategi Menentukan Kesahan dan Kebolehpercayaan

Jenis	Strategi	Peringkat Kajian
Kesahan Konstruk	Triangulasi: Tiga kaedah pengumpulan maklumat iaitu temu bual guru pelatih, pemerhatian di dalam bilik darjah ketika guru pelatih menjalankan pengajaran dan membuat analisis dokumen berkaitan rancangan pengajaran harian yang telah dilaksanakan.	Pengumpulan maklumat
Kesahan Dalaman	<p>Samakan Ahli: Samakan semula maklumat dengan peserta kajian selepas selesai mengtranskrip sesi temu bual yang telah dijalankan bagi mendapat kepastian maksud yang disampaikan oleh peserta kajian semasa temu bual tersebut.</p> <p>Membuat Pemerhatian: pemerhatian ini bagi memastikan keselarasan antara maklumat yang diperolehi semasa sesi temu bual berkaitan PdPc PAK21 yang telah dilaksanakan.</p> <p>Hubungan Berterusan antara Pengkaji dengan Peserta kajian (<i>Prolonged Engagement</i>): Pengkaji telah mempunyai hubungan dengan peserta kajian sejak awal tahun 2017 sehingga kini. Dengan rapport yang terjalin ini dapat memastikan peserta kajian mempunyai kepercayaan dan selesa dengan kehadiran pengkaji dan dapat berkongsi tentang cabaran pelaksanaan PdPc PAK21 semasa menjalani praktikum selama 14 minggu.</p> <p>Pengkaji Sebagai Instrumen Kajian: Pengkaji menjadi instrumen utama kajian ini. Pengkaji yang mengumpul data secara keseluruhan dan tidak melibatkan orang lain dalam proses pengumpulan data dan interpretasi data yang diperolehi.</p>	Pengumpulan maklumat Penulisan Laporan

Kebolehpercayaan	Jejak Audit: Menyediakan rangkaian audit melibatkan proses perjalanan penyelidikan bermula sehingga berakhir. Selain itu, mengutamakan isu etika dan kerahsian dalam penyelidikan. Serta membangunkan data lengkap bagi setiap peserta kajian.	Reka bentuk kajian Pengumpulan maklumat Penulisan laporan
------------------	--	---

6.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

6.1 Profail Peserta Kajian

Kajian ini melibatkan seramai tiga orang peserta kajian bagi meneroka berkaitan sudut pandangan guru pelatih berhadapan dengan cabaran pelaksanaan PAK21 di dalam PdPc semasa menjalani sesi praktikum di sekolah di Sekitar Putrajaya dan Selangor. Semua peserta kajian ini mengajar murid sekolah menengah bawah yang terdiri daripada Tingkatan satu, dua dan tiga. Secara khususnya ketiga-tiga peserta kajian ini mempunyai persamaan dan perbezaan dari segi profail. Berikut adalah profail guru pelatih yang terlibat sebagai peserta kajian ini. Secara umumnya, ketiga-tiga peserta kajian ini merupakan pelajar semester lapan bagi jurusan Ijazah Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling dengan pengkhususan Minor Pendidikan Moral di Fakulti Pengajian Pendidikan Malaysia, Universiti Putra Malaysia.

Ketiga-tiga peserta kajian ini merupakan pelajar yang cemerlang semasa pengajian di universiti. Hampir setiap semester mereka memperoleh Gred Purata Keseluruhan bersamaan 3.6 ke atas dan melayakkan mereka mendapat Anugerah Kepujian Dekan hampir setiap semester dalam tempoh pengajian tersebut. Selain itu, mereka mempunyai cita-cita sebagai guru sejak zaman persekolahan. Oleh hal demikian, tidak dapat dinafikan bahawa ketiga-tiga guru pelatih (GP) ini mempunyai minat mendalam terhadap kerjaya sebagai guru kecuai GP1. Mereka ini berasal daripada negeri yang berbeza, misalnya GP1 berasal daripada Johor Darul Takzim, manakala GP2 berasal daripada Selangor Darul Ehsan dan GP3 berasal daripada Kelantan Darul Naim. Usia guru pelatih ini yang berbeza antara satu sama lain walaupun mereka mendaftar pada kemasukan semester yang sama dalam program pendidikan. Ini kerana mereka merupakan pelajar lepasan Program Asasi Pertanian bagi GP1 yang berusia 23, Matrikulasi bagi GP2 yang berusia 24 tahun manakala GP3 merupakan lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang berusia 23 tahun.

GP1 dapat digambarkan sebagai guru perempuan yang sentiasa bertenaga dan bersemangat ketika mengajar. Beliau juga dikenali dengan guru yang penyayang dan mesra dengan murid namun akan bertukar menjadi guru yang garang sekiranya terdapat pelajar yang tidak selesaikan tugas yang telah diberikan olehnya. Beliau dikenali sebagai guru yang mempunyai komitmen tinggi dengan tugas yang diberikan oleh pihak pentadbir di sekolah sepanjang tempoh praktikum selama 14 minggu. Pihak sekolah telah memberi tanggungjawab dan kepercayaan kepada GP1 untuk mengajar Pendidikan Moral Tingkatan Satu sepanjang waktu praktikum. Beliau memperoleh seorang guru pembimbing yang banyak membantu beliau pelajari perkara baru berkaitan dunia pendidikan di sekolah. GP1 mengajar tiga orang pelajar yang terdiri daripada dua orang murid Iban dan seorang murid India. Memandangkan beliau menjalani latihan praktikum di sekolah Menengah Kebangsaan di Putrajaya. Sepanjang proses pengajaran ini beliau menggunakan Bahasa Inggeris untuk mengajar Pendidikan Moral memandangkan ketiga-tiga muridnya lebih mudah memahami bahasa pengantar tersebut berbanding Bahasa Melayu. Ketiga-tiga murid ini merupakan pelajar yang cemerlang dan menduduki kelas pertama dalam keseluruhan Tingkatan satu.

Seterusnya, GP2 boleh digambarkan sebagai seorang guru lelaki yang mesra dan paling mudah didekati oleh murid dan para guru di sekolah. Ini kerana perwatakan beliau yang sentiasa memberi senyuman kepada murid dan semua warga sekolah. Beliau selalu mengambil pendekatan memberi teguran dan nasihat kepada murid dengan menerangkan kesalahan yang dilakukan dan kesan terhadap diri sendiri dan orang lain. Sepanjang latihan praktikum 14 minggu, pihak sekolah telah memberi kepercayaan kepada GP2 mengambil alih pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan Satu. Seramai 25 orang pelajar yang terdiri daripada kaum Cina dan India yang terdiri daripada gabungan dua kelas. Umumnya, pelajar ini datangnya daripada urutan kelas yang agak kebelakang dari segi pencapaian akademik dan sikap. GP2 menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sepenuhnya dalam proses PdPc, walau bagaimanapun hampir 60% muridnya tidak memahami Bahasa Melayu mahupun Inggeris.

Manakala, GP3 dikenali sebagai guru perempuan yang tegas, penyayang, mesra dan boleh bertolak ansur dengan murid. GP3 sentiasa memberi senyuman kepada semua murid di sekolah tersebut Beliau gemar mendakati pelajar dengan cara yang tersendiri dengan mempelajari pelbagai bahasa pengantar yang digunakan oleh pelajarannya. Beliau menggunakan Bahasa Melayu dan juga sedikit Bahasa Tamil dan Mandarin yang mudah untuk berkomunikasi dengan muridnya. GP3 terpaksa mempelajari bahasa tersebut

kerana kebanyakan muridnya tidak memahami Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik. Keadaan ini menimbulkan kesukaran beliau menjalankan proses PdPc dengan sebaiknya. Berikutan kehadiran kepelbagaian murid dari segi pencapaian akademik yang terdiri daripada kelas sederhana dan lemah. Seramai 27 orang murid yang terdiri daripada kaum Cina dan India yang merupakan pelbagai lapisan status sosial ekonomi.

Berikut adalah beberapa jadual yang berkaitan dengan profil peserta kajian, data pemerhatian murid di dalam kelas dan aspek dan ulasan amalan PdPc PAK21 yang diamalkan oleh ketiga-tiga guru pelatih dalam kajian ini. Sila rujuk jadual di bawah:

Jadual 2.0: Profil Peserta Kajian

Peserta kajian	Jantina	Lokasi Sekolah	Bilangan Pelajar	Mengajar Tingkatan	Kedudukan Kelas
GP1	Perempuan	Wilayah Persekutuan Putrajaya	3 orang (2 Iban & 1 India)	1	Kelas Cemerlang
GP2	Lelaki	Serdang, Selangor	25 orang (8 Cina & 17 India)	2	Kelas Sederhana Lemah
GP3	Perempuan	Kajang, Selangor	27 orang (8 Cina & 19 India)	3	Kelas Sederhana dan lemah

Jadual 3.0: Data Pemerhatian Murid di dalam Kelas

Sekolah Peserta kajian	Bilangan Jantina Pelajar	Penglibatan Murid Dalam Aktiviti PdPc			
		Sangat Aktif	Aktif	Kurang Aktif	Pasif
Sekolah GP1	1 Lelaki 2 Perempuan	1	2	0	0
Sekolah GP2	17 Lelaki 6 Perempuan	10	5	7	3
Sekolah GP3	13 Lelaki 14 Perempuan	9	7	5	5

Jadual 4.0: Aspek dan Ulasan Amalan PdPc PAK 21

Aspek Amalan PdPc PAK 21	Kekerapan Amalan PdPc PAK 21		
	GP1	GP2	GP3
PdPc Berpusatkan Murid	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum
Pembelajaran Kolaboratif	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum
Berorientasikan Kemahiran	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum
Beraplikasikan Proses	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum
Pemikiran Aras Tinggi	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum
Mengamalkan Praktikal	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum
Kemahiran Hidup	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum
Keterlibatan Komuniti	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Jarang menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Jarang menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum
Pentaksiran Formatif	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang	Kerap menggunakan aspek ini sepanjang

	latihan praktikum	latihan praktikum	latihan praktikum
Belajar Untuk hidup	Tidak menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Jarang menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum	Jarang menggunakan aspek ini sepanjang latihan praktikum

7.0 DAPATAN

Secara khususnya, peserta kajian ini telah berjaya mengaplikasikan PdPc PAK21 dalam Pendidikan Moral semasa menjalani latihan praktikum di sekolah selama 14 minggu. Melalui sesi temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen didapati bahawa ketiga-tiga guru pelatih ini berhadapan dengan cabaran menggunakan PAK21 semasa mengajar Pendidikan Moral. Berikut adalah tema cabaran guru pelatih menggunakan PAK21 dalam PdPc.

Jadual 3.0: Tema Dapatan Kajian

Tema Cabaran	Data Daripada Peserta Kajian
Tema 1: Kesediaan Murid	Tema Kesediaan merujuk kepada penerimaan murid dari segi minat, sikap, tahap kognitif dan kesanggupan murid untuk terlibat dalam PdPc.
Sub Tema 1: Minat Murid	<p>“...cabaran yang saya hadapi bagi saya, sukar nak libatkan murid dengan komuniti <i>based on requirement</i> yang diperlukan untuk amali mereka. Ini kerana mereka kurang minat nak buat komuniti ni. <i>Since</i> kawalan untuk benda tu terbatas dan waktu yang dicadangkan untuk buat tu <i>supposedly</i> di luar waktu PdPC. So taka da pemantauan yang boleh guru lakukan untuk <i>make sure student involved</i> ke tidak. <i>So</i> memang <i>mostly aktiviti indoor</i> je lah...” (GP1/TMBL/CBRN/MM)</p> <p>“...sukar mengambil perhatian bagi sesetengah pelajar kerana mereka suka duduk dalam kelompok dan banyak berborak dan bermain kerana tidak minat untuk belajar walaupun saya guna PdPc PAK 21....”(GP2/TMBL/CBRN/MM)</p> <p>“...PAK21 ni bagus namun pada peringkat pertama murid kurang berminat nak sertai aktiviti berpusatkan pelajar, mereka sibuk nak salin nota sahaja dan buat kerja sendiri. Inilah kesukaran yang saya hadapi buat kali pertama menggunakan PAK21 semasa hari pertama masuk kelas dan beberapa sesi sebelum ini...” (GP3/TMBL/CBRN/MM)</p>
Sub Tema 2: Sikap Murid	<p>“...Cabaran masa PdPc PAK21 ni, bagi saya lah dalam kerja berkumpulan, susah nak minta kesemua murid bagi kerjasama dalam satu kumpulan, mereka ini mempunyai sikap lebih kepada individual walaupun kononya duduk dalam satu kumpulan. <i>So</i> untuk saya, jika ikut PdPc PAK21 Nni, untuk kerja kumpulan, guru perlu lebih mahir dan memahami murid tentang maksud berkerjasama dalam kumpulan itu sendiri...”(GP1/TMBL/CBRN/SM)</p> <p>“...terdapat sekumpulan murid Cina yang suka membuat bising dan melawam arahan semasa aktiviti PdPc PAK21 dijalankan. Terdapat sekumpulan murid cina (pelajar yang sama) kerap merosakkan bahan PdPc. Contohnya koyakkan kertas perbincangan dan baling –baling dikel...”(GP2/TMBL/CBRN/SM)</p> <p>“.....melalui pemerhatian dan pengalaman saya selama 14 minggu menjalankan aktiviti PdPc, cabaran yang saya hadapi ialah sikap pelajar yang suka main-main ketika aktiviti PdPc berjalan. Kebanyakan mereka suka berborak-borak dengan pelajar di sebelah mereka. Ada juga yang hanya buat kerja mereka sahaja tanpa menghirau arahan aktiviti PdPc PAK21 yang dijalankan yang saya bagi. Bila saya panggil nama dia baru dia ikuti aktiviti yang dijalankan...”(GP 2/TMBL/CBRN/SM)</p>
Sub Tema 3: Kognitif Murid	<p>“...saya mengajar 3 orang sahaja, mereka ini adalah pelajar yang pandai. Mereka sangat berminat dalam segala aktiviti yang dijalankan dalam PdPc. Namun masalahnya, ialah mereka selalu bertengkal leher untuk mempertahankan jawapan masing-masing. Ada seorang pelajar ini sangat aktif dalam kelas, Dia selalu akan monopoli sebarang aktiviti PdPc. Ini kerana mereka mempunyai keupayaan kognitif yang tinggi...”(GP1/TML/CBRN/KGM)</p> <p>“...saya nampak PAK21 ini bagus digunakan dalam PdPc namun ia tidak sesuai untuk pelajar yang kelas lemah. Mereka malas fikir, bila tanya mereka cakap mereka tak tahu, susahlah dan mereka tidak dapat fikir apa jawapannya...”(GP2/TMBL/CBRN/KGM)</p>
Sub Tema 4: Kesanggupan Murid untuk	“...cabaran yang besar bagi saya adalah mempunyai murid yang pasif tidak mahu turut serta sebarang aktiviti PdPc, walaupun pelbagai cara telah saya buat. Mereka lebih suka mendiamkan diri apabila diminta untuk menyumbang kepada perbincangan atau diminta jawab soalan....”

Terlibat Dalam PdPc.	(GP2/TMBL/CBRN/KSGP) <p>“....Salah satu cabaran yang saya hadapi di dalam kelas ialah terdapat sekumpulan pelajar dalam 5 orang yang terlalu pasif dan sentiasa mendiamkan diri semasa aktiviti PdPc berjalan. Walaupun saya tanya pelbagai soalan untuk menggalakkan mereka berkongsi pandangan dengan murid lain namun mereka hanya berdiam diri...” (GP3/TMBL/CBRN/KSGP)</p>
Tema 2: Kurang Mahir Menggunakan PdPC PAK 21	<p>“....saya kurang mahir menggunakan semua aspek PdPc PAK21. Tu kadang-kadang saya masih keliru. Tu juga cabaran yang saya hadapi...” (GP1/TMBL/CBRN/KM)</p> <p>“.... saya masih keliru dengan beberapa aspek PAK21. Saya rujuk guru pembimbing saya untuk dapat bimbingan....” (GP3/TMBL/CBRN/KM)</p>
Tema 3: Peruntukan Masa yang Tidak Mencukupi	<p>“...masa merupakan satu cabaran yang besar bagi saya semasa menjalankan PdPc PAK21 kerana macam masa tu berjalan terlalu pantas, kadang-kadang tidak sempat nak habis PdPc waktu yang diepruntukan dah habis...”(GP2/TMBL/CBRN/MS)</p> <p>“.... Setakat masa sejam bersamaan dua waktu ada kalanya tak cukup untuk buat PdPc PAK21. Ini kerana pelajar ini datangnya daripada dua tiga kelas yang berbeza. Pergerakan mereka masuk kelas Pendidikan Moral pun dah ambil masa... tinggalah 50-45 minit. Kadang ada masanya tak sempat habis PdPc yang telah dirancang....”(GP3/TMBL/CBRN/MS)</p>
Tema 4: Kreatif dan Kritikal	<p>“.... bagi saya agar mencabar menjadi guru yang kreatif dan kritikal semasa menggunakan PdPc PAK21 kerana memerlukan saya menyediakan pelbagai bahan yang berkaitan bagi menarik perhatian pelajar dan memastikan PdPc berjalan lancar....” (GP1/TMBL/CBRN/KK)</p> <p>“...bukan senang buat saya mengadaptasi PdPc PAK21 ini, memandangkan saya tiada pengalaman mengaplikasi pendekatan ini dalam kelas yang sebenar di sekolah. Ia memerlukan saya lebih kreatif dan bukan senang nak jadi guru kreatif dan kritikal untuk melakukannya...” (GP2/TMBL/CBRN/KK)</p> <p>“...kreatif dan kritikal memang diperlukan untuk saya jadi guru yang lebih berkesan. Dan inilah cabaran untuk saya kerana untuk jadi kreatif dan kritikal saya perlu banyak fikir...” (GP3/TMBL/CBRN/ KK)</p>
Tema 5: Infrastruktur Berteknologi Terhadap	<p>“...infrastruktur ada masalahnya kebanyakannya rosak menyebabkan saya tidak dapat gunakan semasa PdPc. Ini menyebabkan saya PdPc saya guna komputer riba sendiri dan nasib baik murid saya hanya tiga orang sahaja. Bolehlah saya tunjuk guna laptop je....” (GP1/TMBL/CBRN/ INFRAS)</p> <p>“....sebagai guru praktikum kadang-kadang saya hadapi masalah untuk gunakan bilik-bilik yang ada peralatan teknologi untuk memudahkan PdPc. Saya terpaksa minta kebenaran daripada guru kanan untuk menggunakannya dan sentiasa berebut-rebut dengan cikgu lain untuk tempat bilik tersebut sebab tak banyak bilik sedemikian...” (GP1/TMBL/CBRN)</p> <p>“...Salah satu cabaran yang saya alami untuk menggunakan PdPc PAK21 ialah kemudahan infrastruktur berteknologi yang terhad seperti makmal komputer atau bilik tayangan atau wifi yang lemah menyebabkan keterbatasan saya menghasilkan PdPc PAK21 yang menarik....”(GP3/TMBL/CBRN/ INFRAS).</p>

Berdasarkan jadual di atas didapati bahawa terdapat lima tema yang berkaitan dengan cabaran guru pelatih Pendidikan Moral terhadap PdPc PAK21. Antaranya tema cabaran tersebut aspek kesediaan murid, kurang mahir menggunakan PdPc PAK21, peruntukan masa yang tidak mencukupi, kreatif dan kritikal dan infrastruktur berteknologi terhad. Tema kesediaan murid dalam dapatan kajian ini merujuk kepada penerimaan murid dari terhadap empat sub tema yang berada di bawah tema ini iaitu minat murid, sikap, tahap kognitif dan kesanggupan murid untuk terlibat dalam PdPc. Dalam tempoh 14 minggu menjalani latihan praktikum di sekolah, pelbagai pengalaman yang berharga telah ditimbal oleh ketiga-tiga peserta kajian yang dapat memantapkan mereka untuk menghadapi kerjaya sebenar kelak.

Umumnya, hasil dapatan kajian ini mendapati ketiga-tiga guru pelatih ini mempunyai pengetahuan dan kemahiran berkaitan profesion perguruan sebelum menjalani latihan praktikum. Dalam tempoh tersebut, mereka cuba sedaya upaya menjalankan PdPc PAK21 walaupun terdapat cabaran yang tertentu yang sukar dihadapi kerana tidak pernah hadapinya semasa mengambil kursus Kaedah Mengajar Pendidikan Moral. Ini berikutan semasa amali kaedah mengajar berlangsung, rakan-rakan guru pelatih akan berlakon menjadi murid di dalam bilik darjah. Majoriti mereka adalah Melayu sedangkan di dalam

situasi sebenar di sekolah murid yang mereka ajar adalah bukan murid Melayu. Hal ini akan menimbulkan kesukaran kepada guru pelatih.

Situasi ini tidak memberi pengalaman sebenar kepada guru pelatih untuk berhadapan dengan kepelbagaian murid bukan Muslim. Hal ini memberi gambaran bahawa teknik amali yang digunakan dalam kursus tersebut perlu dipermurnikan bagi memberi pengalaman yang lebih realiti tentang kepelbagaian murid yang heterogeous dan memberi lebih pengalaman kepada guru pelatih untuk hadapi sebelum menjalani latihan praktikum. Justeru itu, pengalaman tersebut memberi lebih peluang melatih guru pelatih untuk menjadi lebih kreatif dan kritikal dalam menyampaikan aspek PdPc PAK21 yang merangkumi berpusatkan murid, pembelajaran kolaboratif, berorientasikan kemahiran, beraplikasikan proses, pemikiran aras tinggi, mengamalkan praktikal, kemahiran hidup, keterlibatan komuniti, pentaksiran formatif dan belajar untuk hidup.

Usaha melahirkan guru pelatih yang berkualiti dan memenuhi Standard Profesion Perguruan yang bertaraf antarabangsa perlu bagi mencapai matlamat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025. Ini kerana PAK21 merupakan elemen transformasi yang relevan pada era pendidikan masa kini. Sehubungan dengan itu, kesediaan barisan guru pelatih yang dilahirkan oleh institusi pengajian Pendidikan perlu diberikan penekanan yang sewajarnya dan dapat memenuhi kehendak tranformasi pendidikan pada zaman kini. Implikasi daripada kajian ini lebih tertumpu kepada perancangan Unit Pendidikan Moral, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia dalam merangka satu usaha kerjasama dengan sekolah.

Hal ini demikian kerana dapatan kajian dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada usaha membuka peluang kepada guru pelatih mengalami suasana sebenar semasa menjalani kursus keadah mengajar pada semester tujuh sebelum pergi menjalani praktikum di sekolah. Di samping itu, guru pelatih boleh membuat sesi diskusi bersama guru pakar Pendidikan Moral. Ini adalah usaha yang boleh memantapkan sesi latihan amali bagi keadah mengajar Pendidikan Moral di Unit Pendidikan Moral, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia. Usaha penyediaan guru pelatih Pendidikan Moral yang terlatih dan berkualiti perlu diberi perhatian yang serius bagi melahirkan pelajar yang menjadi insan yang bermoral dalam kehidupan seharian.

8.0 RUJUKAN

- Azahari Abdullah dan Mahaya Salleh (2018). *Pemikiran Kritikal dan penyelesaian Masalah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Program Pendidikan Guru Abad Ke 21*. Seminar Kebangsaan PdPc Abad ke 21, Institut Pendidikan Kampus Sultan Mizan, Besut, Kuala Terengganu, Malaysia pada 23-25 April.
- Beaumaris, (2010). Beaumaris A. R. (2010). *Moral Judgement to Moral Action: Implications for*
- Chang Lee Hoon (2010). *An appraisal on the implementation of moral education for school in Malaysia*. In Proceedings of the 4th International Conferebce on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI.
- Creswell, J.W. (2013). *Qualitative Inquiry and Research Design. Choosing among Five Approaches (3rd Ed.)*. Thousand Oaks: Sage Publications
- Education. Unpublished Doctoral Thesis. University of Newcastle.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya:Kementerian Pendidikan Malaysia
- Lincoln, Y.S., & Guba, E.G. (1985). *Naturalistic Enquiry*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Marzni Mohamed Mokhtar, Rohizani Yaakub dan Fadzilah Amezah (2018). *Penggunaan Instrumen Pembelajaran Abad ke 21 Sebagai Usaha Penerapan KBAT Dalam PdPc Penulisan Karangan Argumentatif*. Seminar Kebangsaan PdPc Abad ke 21, Institut Pendidikan Kampus Sultan Mizan, Besut, Kuala Terengganu, Malaysia pada 23-25 April.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohd Hasanny Hashim dan Hasni Abdul Rahaman (2018). *Eksplorasi PAK 21: Satu Pendekatan Klinik*. Seminar Kebangsaan PdPc Abad ke 21, Institut Pendidikan Kampus Sultan Mizan, Besut, Kuala Terengganu, Malaysia pada 23-25 April.
- Mukherjee. H. (1983). *Moral Education in a plural Society*: Malaysia. *Journal of Moral Education* 12(2), 125-130.

- Norzihani Saharuddin & Suhailah Hussien (2018). *Meninjau Pemikiran Moral Guru Pelatih Melalui Pendekatan Naratif*. Seminar Kebangsaan PdPc Abad ke 21, Institut Pendidikan Kampus Sultan Mizan, Besut, Kuala Terengganu, Malaysia pada 23-25 April.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, Mohd Zohir Ahmad (2007). *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU). Buletin Anjakan Bil. 5/2015
- Yin, R. K (2011). *Qualitative Research From Start to Finish*. New York: The Guilford Press.
- Zunariah Mahamad, Tengku Abdullah Tengku Ismail dan Sukiman Abdullah (2018). *Trial-Out: Pengoperasian PAK21*. Seminar Kebangsaan PdPc Abad ke 21, Institut Pendidikan Kampus Sultan Mizan, Besut, Kuala Terengganu, Malaysia pada 23-25 April.